

12/02/1998

Rahman Palil tarik diri

KAPAR, Rabu - Timbalan Ketua Umno Bahagian Kapar, Datuk Abdul Rahman Palil, menarik diri daripada bertanding merebut jawatan Ketua Umno bahagian dalam pemilihan pucuk pimpinan bahagian itu, Mac ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sementa, berkata keputusan menarik diri daripada bertanding bagi merebut Ketua Bahagian kerana ingin terus mewujudkan perpaduan di kalangan ahli terutama di peringkat bahagian.

"Saya menarik diri daripada bertanding merebut jawatan Ketua Umno bahagian yang kini disandang oleh Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Onn Ismail kerana ingin terus mewujudkan perpaduan di kalangan ahli Umno terutama di peringkat bahagian," katanya.

Beliau mengumumkan keputusan menarik diri daripada bertanding pada majlis sambutan hari raya anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kapar hari ini.

Abdul Rahman berkata, tindakan itu diambil bukan saja demi perpaduan parti, tetapi juga menghormati nasihat pucuk pimpinan Umno terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar.

Beliau berkata, dalam pertemuannya dengan Abu Hassan pada 8 Februari lalu, beliau bukan saja menerima nasihat tetapi juga menyanjung pucuk pimpinan Umno di peringkat negeri yang inginkan keharmonian dan perpaduan di kalangan ahli Umno di negeri itu khususnya di bahagian Kapar.

"Sebagai menghormati Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno, saya mengambil langkah menarik diri dan dengan itu, marilah kita semua bersatu mewujudkan perpaduan dalam parti kerana tiada apa-apa lagi yang perlu dipertikaikan," katanya.

Sebelum ini, bahagian Kapar diramal akan mengalami perubahan apabila Abdul Rahman yang dikatakan akan bertanding jawatan Ketua Umno bahagian itu yang disandang oleh Adun Selat Klang yang juga Setiausaha Perhubungan Umno Selangor, Onn.

Sementara itu, mesyuarat serentak 96 cawangan Umno dalam bahagian itu yang akan diadakan Ahad ini dijangka mencalonkan atau mengekalkan barisan pucuk pimpinan bahagian yang ada sekarang dengan Onn selaku ketua, Abdul Rahman (Timbalan Ketua) dan Adun Meru, Jaei Ismail (Naib Ketua).

Mesyuarat perwakilan bahagian itu pada 22 Mac ini dijangka menerima perubahan beberapa ahli jawatankuasa lama menarik diri untuk memberi laluan kepada tokoh baru.

(END)